



English | Malay | Mandarin | | Español

🏠 [TENTANG BERNAMA](#) [AM](#) [POLITIK](#) [EKONOMI](#) [SUKAN](#) [RENCANA](#) [DUNIA](#) [E-NEWSLETTER](#) [WEB TV](#) [ARKIB](#) [INFOGRAFIK](#)

Breaking News / Berita Tergempar

Laman Mikro » [Perbankan & Kewangan](#) • [Auto](#) • [Penerbangan](#) • [Maritim](#) • [Pendidikan](#) • [Hartanah](#) • [Belia](#) • [eBiz](#) [Berita](#) [Who's Who](#)

EKONOMI > BERITA

Serba Dinamik Akan Kumpul RM433.88 Juta Daripada Penempatan Persendirian

Tarikh kemaskini: 09/01/2018

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Serba Dinamik Holdings Bhd merancang untuk mengumpul RM433.88 juta daripada cadangan penempatan persendirian sebanyak 133.5 juta saham baru, mewakili 10 peratus daripada jumlah saham terbitannya.

Harga terbitan indikatif adalah RM3.25 sesaham berdasarkan volum pasaran harga pasaran purata saham Serba Dinamik, kata syarikat perkhidmatan kejuruteraan tersebut dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

"Cadangan penempatan persendirian itu akan membolehkan syarikat mengumpul dana yang diperlukan, terutama untuk membiayai perbelanjaan modal kumpulan bagi Taman Eko-Perindustrian Pengerang.

"Ia juga bertujuan bagi membiayai sebahagian daripada pembangunan Pusat Komersial Antarabangsa Pengerang dan bagi memenuhi obligasi masa depan kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan di bawah Projek Tanzania," katanya.

Serba Dinamik berkata, cadangan penempatan itu dijangka selesai pada suku pertama tahun ini.

"Eksesais yang dicadangkan dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan masa depan kumpulan," tambahnya.

-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

Jumlah Mangsa Banjir Di Pahang Kekal 284 Orang

Najib, Keluarga Diberi Penghormatan Ziarah Makam Nabi Muhammad SAW

Lawatan Najib Ke Arab Saudi Atas Jemputan Raja Salman - Pejabat PM

Berita Terkini Lain

Agihan Kerusi DUN PH Di N.Sembilan Belum Muktamad- **politik**

DIIZ Industries Rintis Pasaran Asia, Timur Tengah- **ekonomi**

Perak Ikat Pemain Azkals, Bahadoran, Luiz- **sukan**

Perkampungan Keris Warisan Seni Terengganu- **rencana**

Rohingya Children Trapped In 'Appalling' Conditions In Myanmar's Rakhine State - UNICEF- **dunia**

Berita Pilihan Tertinggi

Jumlah Mangsa Banjir Di Pahang Kekal 284 Orang

Anak Pesara Kini Boleh Beli Rumah PPA1M - Ali Hamsa

Perdana Menteri Pun Perlu Patuhi Undang-undang - Salleh

iklan

BERNAMA IMAGES
Capturing Headlines, Milestones and History

BERNAMA IMAGES Perkhidmatan Foto Bernama kini mula memperkenalkan produk dan mengusahakan perkhidmatan baru berasaskan foto seperti bahan pameran, bahan penerbitan, foto konvokesyen, kerja digital, cetakan dan grafik, serta liputan majlis korporat.

>> [Senarai Berita](#)

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi

MALAYSIA eBiz Mingguan
Versi Bahasa Inggeris

[Laman Utama](#) | [Sitemap](#) | [Hubungi Kami](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#) | [Suapan RSS](#)

© 2018 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan
Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
Paparan terbaik menggunakan Firefox 35.0.1 & Internet Explorer 8.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

Hubungi kami 03-26939933 | Emel helpdesk@bernama.com

